



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN,
NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN,
BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN, TINGKAT 18,
BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503 SHAH ALAM,
SELANGOR DARUL EHSAN.



Ruj. Kami : IPK.Sel.Pent.200-8/2/1Jld.4 (37)
Tarikh : 15 Oktober 2021

SENARAI EDARAN SEPERTI DI LAMPIRAN

Tuan/ Puan,

PERMOHONAN PELEKAT KENDERAAN TAHUN 2022 – 2023 DAN PEMASANGAN RFID BAGI KEGUNAAN DI KUARTERS SEKSYEN 16, PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR

Dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa, permohonan baharu pelekot tersebut akan dibuka mulai 1 November 2021. Pelekot kenderaan dan RFID pertama akan dibekalkan secara percuma, manakala bagi pelekot kedua akan dikenakan caj. Sehubungan itu, Tuan/ Puan dikehendaki untuk:

- i. Melengkapkan Borang Permohonan Pelekot Kenderaan dan RFID Kuarters Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor;
- ii. Membuat bayaran di Kaunter Unit Kewangan, Bahagian Khidmat Pengurusan, Tingkat 17 terlebih dahulu; dan
- iii. Mengemukakan borang yang telah lengkap diisi beserta dengan salinan geran kenderaan (terhad kepada kenderaan pemohon/ suami/ isteri/ anak pemohon sahaja) dan resit bayaran sebelum atau pada **30 November 2021** ke pentadbiran ini.

Bersama-sama ini dilampirkan borang dan syarat-syarat permohonan untuk tindakan selanjutnya. Kerjasama Tuan/ Puan berhubung perkara ini amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

“SELANGOR MAJU BERSAMA”
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menandatangani amanah,


(MUHAMAD SHAH BIN OSMIN)
Setiausaha Bahagian Khidmat Pengurusan
b.p. Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor

(Sila catatkan rujukan kami apabila berhubung)

Syarat-Syarat Permohonan Pelekat Kenderaan Dan Pemasangan RFID Kwarters Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor Tahun 2022 -2023

Syarat-syarat permohonan :

1. Kwarters Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor adalah **DIWAJIBKAN** mendapatkan pelekat kenderaan bagi memasuki kawasan kwarters. Permohonan pelekat kenderaan boleh dipohon melalui borang yang dilampirkan.
2. Semua penghuni dibenarkan memiliki tidak lebih dua (2) pelekat kereta dan dua (2) pelekat motosikal.
3. Pelekat kenderaan dan RFID pertama adalah percuma manakala pelekat kedua akan dikenakan caj seperti berikut:
 - 3.1 Pelekat Kenderaan kedua RM5.00
 - 3.2 Pelekat RFID kedua RM10.00
4. Bayaran bagi pelekat kedua boleh dibuat di Kaunter Unit Kewangan, Bahagian Khidmat Pengurusan, Tingkat 17, Bangunan SSAAS dan borang yang telah lengkap diisi berserta dokumen sokongan hendaklah di hantar ke Unit Pentadbiran Am, Bahagian Khidmat Pengurusan, Tingkat 18, Bangunan SSAAS.
5. Bagi kehilangan pelekat kenderaan, pemohon dibenarkan untuk membuat gantian dengan membuat bayaran sebanyak RM10.00 atas nombor pendaftaran kenderaan yang sama.
6. Pelekat kenderaan dan motosikal **WAJIB** dipamerkan pada cermin kenderaan masing-masing setiap masa semasa memasuki kawasan kwarters. Pemilik kenderaan yang gagal berbuat demikian adalah dianggap sebagai kenderaan pengguna luar dan tidak dapat menikmati kemudahan yang disediakan kepada penghuni yang berdaftar.



**BORANG PELEKAT KENDERAAN KUARTERS PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN
NEGERI SELANGOR BAGI TAHUN 2022/2023
UNIT PENTADBIRAN, BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN TINGKAT 18,
BANGUNAN SSAAS,40503 SHAH ALAM**

NAMA				
NO.K/P				
JAWATAN/GRED				
NO.TELEFON		PEJABAT:	H/P :	
ALAMAT KUARTERS				
NO.PENDAFTARAN KENDERAAN	KERETA (1)	NO. KENDERAAN:	NO. SIRI:	NO. RFID(1): <input type="checkbox"/> Salinan geran/insurans
	KERETA (2) (BERBAYAR)			NO. RFID(2): <input type="checkbox"/> Salinan geran/insurans <input type="checkbox"/> Resit bayaran
	MOTORSIKAL (1)			NO. RFID(1): <input type="checkbox"/> Salinan geran/insurans
	MOTORSIKAL (2) (BERBAYAR)			NO. RFID(2): <input type="checkbox"/> Salinan geran/insurans <input type="checkbox"/> Resit bayaran
NO.PARKIR KENDERAAN				
TANDATANGAN				
TARIKH				
AKUAN PENERIMAAN PELEKAT				
NAMA PENERIMA				
JABATAN				
NO.TELEFON				
TANDATANGAN				
TARIKH				